

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2007/2008

Oktober/November 2007

YWP 215 – Pengenalan Kepada Kewartawanan

Masa: 3 jam

Kertas peperiksaan ini mengandungi **ENAM (6)** muka surat yang bercetak.

Jawab **TIGA (3)** soalan. Soalan **SATU (1)** adalah wajib.

Sumbangan markah tiap-tiap soalan ialah 100 markah.

- 1 Tuliskan satu berita lengkap berdasarkan teks ucapan yang disertakan dalam lampiran 1 (Berita yang ditulis mestilah tidak melebihi 7 perenggan).
2. Menurut Schaffer, McCutcheon dan Stofer (1998), temubual merupakan jiwa pemberitaan. Melalui penggunaan petikan dan pandangan peribadi yang boleh diperolehi melalui temubual, sesuatu berita akan lebih segar dan hidup di minda pembaca. Berdasarkan kenyataan tersebut, jelaskan kepentingan temubual dalam pemberitaan dan bincangkan proses menjalankan temubual.
3. Menurut Dr. A. Samad Ismail (1989), "Prinsip etika di sebalik idea sebuah akhbar yang bertanggungjawab kepada masyarakat ialah golongan majoriti sering didengar, sedang golongan minoriti diberikan hak bersuara, bahawa kerajaan boleh memberitahu kepada rakyat akan rancangannya dan rakyat pula diperbolehkan menyatakan perasaan mereka". Bincangkan kenyataan di atas dan jelaskan tiga aliran pemikiran dalam etika kewartawanan dengan memberikan contoh-contoh.
4. Jelaskan konsep-konsep berikut dengan contoh-contoh:
 - (a) *Beat*
 - (b) Pendulu ringkasan/rumusan
 - (c) Pendulu penting
 - (d) Piramid Terbalik
 - (e) Piramid Tegak
 - (f) Gaya penulisan
 - (g) *Hardnews*
 - (h) *Softnews*
 - (i) *Caption*
 - (j) Berita tempatan
5. Menurut Mohd Safar Hasim (1996), sistem akhbar sesebuah negara adalah berbeza. Ia mungkin berbentuk bebas, seperti di beberapa negara Barat; atau dikawal oleh negara, seperti di negara-negara komunis; atau dikawal oleh kerajaan, seperti di sesetengah negara membangun. Berdasarkan kenyataan tersebut bincangkan Empat Teori Akhbar. Jelaskan kelemahan-kelemahan yang wujud dalam teori-teori tersebut.

LAMPIRAN 1

TEKS UCAPAN

**YG. BHG. TAN SRI DATO' HJ. ANI AROPE,
PENGERUSI, LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
SEMPENA UPACARA PERASMIAN PERAYAAN 35 TAHUN PENGAJIAN
KOMUNIKASI PADA 13 JULAI 2006**

**BERTEMPAT DI GALERI BUDAYA REKACIPTA DAN INOVASI
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

Yang dihormati Pengurus Majlis; Yang Berusaha, Prof. Madya Mohamad Zin Nordin, Dekan, Pusat Pengajian Komunikasi; Encik Azman Abdullah, Pendaftar, USM, Dekan-dekan; Ketua-ketua jabatan; dif-dif kehormat; wakil-wakil media; dan sidang hadirin yang saya hormati sekalian.

Jika kita mencapai usia 35 tahun, kita seharusnya dilihat sebagai seorang yang telah cukup dewasa dan matang. Kedewasaan dan kematangan ini selalunya dilihat dari aspek fizikal dan mental. Demikian juga apa yang kita raikan untuk pengajian komunikasi di Universiti Sains Malaysia (USM) pada hari ini. Pertamanya, saya ingin merakamkan ucapan tahniah kerana pengajian komunikasi USM telah mencapai usia kematangannya hari ini. Dari segi fizikal, pengajian komunikasi USM telah mempunyai sebuah payung yang baik untuk dijadikan tempat berteduh iaitu Pusat Pengajian Komunikasi dengan bangunannya yang tersergam, berhampiran dengan tempat saya bercakap ini. Sepanjang 35 tahun ini juga pengajian komunikasi USM telah melahirkan ramai pemikir, penyelidik dan pengamal media yang cemerlang di negara ini, di mana mereka telah memulakan langkah pertama ke arah karier mereka sekarang dalam bidang pengajian komunikasi di USM.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Sebagai Institut Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) terulung di negara ini yang menawarkan pengajian komunikasi, USM tentunya amat berbangga kerana wujudnya sebuah pusat pengajian yang menawarkan kursus-kursus komunikasi yang berkualiti, seterusnya memberi sumbangan yang amat besar dalam arus pembangunan negara. Usia 35 tahun pengajian komunikasi di universiti ini telah diterjemahkan ke dalam bentuk penghasilan modal insan yang kini mendokong pelbagai institusi media, agensi-agensi periklanan, agensi-agensi perhubungan awam di pelbagai jabatan sama ada kerajaan mahupun swasta, dan turut meresapi sektor-sektor pekerjaan lain yang tidak berkaitan secara langsung dengan industri media. Walau siapapun mereka, ia adalah bukti usaha dan jasa bakti USM melalui pengajian komunikasinya yang diiktiraf di peringkat nasional dan global.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Saya suka menekankan di sini bahawa dalam keghairahan kita melahirkan ramai graduan komunikasi, kita tidak boleh lupa kepada soal nilai, etika dan moral bangsa. Kita tidak harus berbangga dengan kuantiti graduan yang dihasilkan pada setiap tahun dengan segulung ijazah masing-masing tanpa melihat kepada kualiti mereka dalam dunia pekerjaan. Graduan komunikasi yang berkualiti akan berupaya menangani dunia komunikasi secara bijak agar ia tidak memberi impak buruk kepada masyarakat dan negara. Pada hari ini media massa di negara kita terlalu ghairah memperbesar-besarkan soal hiburan, gosip, kisah keruntuhan rumah tangga artis dan pelbagai program realiti yang ‘melemaskan’ masyarakat, khususnya golongan muda-mudi. Golongan muda-mudi di Malaysia hari ini dilekakan dalam arus hiburan yang memesongkan nilai-nilai dan peranan sebenar mereka sebagai seorang warganegara yang bertanggungjawab. Kita tidak seharusnya meniru secara melulu setiap produk hiburan daripada Barat yang seringkali bercanggah dengan nilai-nilai dan budaya masyarakat kita. Sebaliknya, dalam banyak aspek, beberapa penyesuaian dan penambahbaikan perlu dilakukan agar setiap program atau laporan berita yang

diterbitkan itu bersesuaian dan berupaya meransang minda penonton tempatan ke arah menjadikan mereka seorang warga yang bertanggungjawab kepada masyarakat dan negara.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Dalam aspek pemberitaan pula, setiap laporan berita yang hendak disiarkan perlu dinilai dari segi kesan baik dan buruknya kepada penonton dan pembaca. Berita-berita bersifat ‘khabar angin’ dan melaga-lagakan pihak-pihak tertentu akan membangkitkan kegawatan sosial serta pra-sangka antara individu dan kaum tertentu dalam masyarakat majmuk. Hal sebegini perlu dielakkan sama sekali. Kalaupun sesuatu berita itu perlu juga disiarkan, kesahihannya wajib dipastikan terlebih dahulu supaya tidak timbul suasana keliru di kalangan orang ramai.

Kita dapati sejak akhir-akhir ini tahap kepercayaan dan kebergantungan masyarakat terhadap media begitu tinggi. Orang ramai memantau apa juga yang berlaku di sekeliling mereka melalui laporan media; baik media cetak mahupun media elektronik. Oleh yang demikian, kepercayaan itu perlu dinilai dan dihargai dengan sebaik-baiknya oleh setiap pengamal media agar media massa dilihat memainkan peranan positif serta menyumbang kepada pembangunan negara.

Dengan kata lain, komunikator yang bertanggungjawab tidak akan mengabaikan tanggungjawab sosialnya kepada masyarakat dan negara. Ibarat kata pepatah: *mata pena lebih tajam daripada mata pedang*; maka setiap orang yang terlibat dalam penyampaian maklumat kepada orang ramai perlu mengambil tanggungjawab yang besar demi untuk melihat bangsa dan negaranya berkembang maju dalam suasana penghidupan yang aman dan damai.

- 6 -

Sebagai mengakhiri ucapan saya ini, sekali lagi saya ucapkan syabas dan tahniah kepada Pusat Pengajian Komunikasi di atas sambutan 35 tahun pengajian komunikasi di USM ini. Semoga dengan sambutan yang bersejarah ini akan memberi kekuatan dan semangat untuk Pusat Pengajian Komunikasi melangkah lebih jauh ke hadapan demi untuk mencipta kecemerlangan, sekaligus melahirkan lebih ramai graduan komunikasi yang berkualiti dan berkeupayaan untuk memberi sumbangan bermakna dalam pembangunan negara. Dengan lafaz Bismillahi ‘Rahmani ‘Rahim, saya, dengan ini merasmikan Perayaan 35 Tahun Pengajian Komunikasi di USM. Sekian, terima kasih.

Maklumat Tambahan

* Tetamu Jemputan: Dekan-dekan, bekas pensyarah, bekas staf dan alumni Pengajian Komunikasi.

*Jumlah Hadirin: 100 orang.

- ooo O ooo -